

# Terma & Syarat Kempen Pru-Ease

Kempen *Pru-Ease* ("Kempen") ini dianjurkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). PruBSN merupakan pengurus Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, para peserta dianggap telah memahami dan bersetuju sepenuhnya dengan terma dan syarat yang dinyatakan selepas ini.

## 1. Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia ("Peserta") termasuk kakitangan PruBSN, Prudential Assurance Malaysia Berhad, Eastspring Investments Berhad, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (termasuk kakitangan tetap, sementara dan kontrak) dan ahli keluarga mereka, agensi berkaitan PruBSN (Quality Leader/Perunding Takaful/Ejen dan Perancang Kewangan/Harta) dan ahli keluarga mereka.
- b) Para Peserta haruslah merupakan warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan kempen ini.
- c) Kempen ini terbuka kepada semua Peserta yang melakukan pembayaran sumbangan melalui wang tunai/cek.
- d) Para Peserta wajib mendaftar kepada **Pembayaran Sumbangan Berulang Debit Terus (FPX)** melalui **PruBSN Touch** dan **mengekalkan pembayaran sumbangan berulang selama enam (6) bulan dari 1 Januari hingga 30 Jun 2021**.
- e) Para Peserta tidak perlu menyertai pelan takaful baharu atau melakukan sebarang pembayaran bagi menyertai kempen ini.

## 2. Tempoh Kempen

- a) Kempen ini bermula pada 16 Disember 2020, 12:01 pagi dan berakhir pada 18 Januari 2021, 11:59 malam.
- b) PruBSN berhak meminda tempoh Kempen pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi sebarang notis atau sebab.

## 3. Cara Menyertai Kempen

- a) Layari [app.prubsn.com.my/PruBSNTouch](http://app.prubsn.com.my/PruBSNTouch)
- b) Daftar ke PruBSN Touch (jika Peserta belum lagi mendaftar ke PruBSN Touch)



### LANGKAH 1

Isikan maklumat peribadi anda



### LANGKAH 2

Tetapkan nama pengguna dan kata laluan anda



### LANGKAH 3

Pilih maklumat keselamatan anda



### LANGKAH 4

Semak dan sahkan pendaftaran anda

- c) Para Peserta hendaklah melakukan langkah berikut:

#### LANGKAH 1

Log masuk ke **PruBSN Touch**

#### LANGKAH 2

Klik pada Sumbangan >> **Pendaftaran Debit Terus**

#### LANGKAH 3

Pilih "**Debit Terus (FPX)**" sebagai cara pembayaran anda dan pilih satu Sijil untuk setiap pendaftaran

#### LANGKAH 4

Lengkapkan semua butiran, tandakan pada kotak akuan dan klik "**Teruskan**"

#### LANGKAH 5

Selesaikan transaksi anda di **Halaman Log Masuk FPX Internet Bank**

#### LANGKAH 6

Proses selesai. Anda boleh melihat transaksi pendaftaran anda di Sumbangan >> Sejarah Pendaftaran

The screenshot shows the 'Pendaftaran Debit Terus & Kad' (Debit Terus & Card Application) screen. At the top, it says 'Anda hanya boleh memilih satu sijil pada satu-satu masa.' (You can only select one card at a time.) Below that, there's a section for selecting the payment method, with 'Pilih Debit Terus (FPX)' highlighted in a red callout box. Other options listed are 'Sila Pilih -' (Select -) and 'Kad Debit / Kredit'. There are also fields for entering the card number ('Nomor Sijil') and the protected person's name ('Nama Orang yang Dilindungi'). A status indicator ('Status') shows 'Berkualkuasa' (Valid) and 'Tidak' (Not valid). A note at the bottom states 'Sila tandakan di dalam kotak sekiranya Peserta adalah Pembayar' (Check this box if the participant is the payer). A large 'Selanjutnya' (Next) button is at the bottom right.

- d) Sijil Para Peserta mesti berstatus aktif ketika tempoh enam (6) bulan semasa pembayaran sumbangan berulang.
- e) Para Peserta digalakkan untuk memberikan nombor akaun bank yang sah atau mengemaskini maklumat akaun mereka melalui PruBSN Touch (untuk pindahan wang hadiah).

#### 4. Pemilihan Pemenang

- a) Pemenang bagi Kempen ini akan diumumkan pada bulan Julai 2021 di laman web korporat rasmi PruBSN, laman media sosial Facebook dan Instagram.
- b) 1,000 Peserta pertama yang mendaftar cara pembayaran Sumbangan Berulang Debit Terus (FPX) dan mengekalkan pembayaran sumbangan berulang selama enam (6) bulan dari 1 Januari hingga 30 Jun 2021 akan dipilih sebagai pemenang.
- c) 1,000 Peserta ini akan berpeluang untuk Cabutan Rezeki dimana PruBSN akan memilih lima (5) pemenang secara rawak.
- d) Pemilihan rawak nama pemenang akan disaksikan oleh kakitangan Jabatan Syariah, Jabatan Undang-undang, Jabatan Pematuhan, Jabatan Digital, Penjenamaan dan Pemasaran dan Jabatan Khidmat Pelanggan PruBSN.

#### 5. Hadiah

- a) RM80 x 1,000 pemenang pertama (Rujuk kepada Klausula 4)
- b) Cabutan Rezeki: RM500 x 5 pemenang (Rujuk kepada Klausula 4)
- c) Hadiah dari Kempen ini tidak boleh ditukar dengan sebarang hadiah lain dan tidak boleh dipindah milik.
- d) PruBSN berhak untuk menggantikan hadiah-hadiah mengikut budi bicaranya dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta.
- e) Semua hadiah tidak termasuk caj yang mungkin akan ditanggung oleh pemenang (jika ada), seperti cukai, levi, yuran dan tertakluk pada semua terma dan syarat sebagaimana yang diperuntukkan oleh PruBSN dari masa ke masa.
- f) Keputusan yang dibuat oleh PruBSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan tertakluk kepada semua pemenang. PruBSN tidak akan melayan atau membenarkan sebarang rayuan atau bantahan terhadap sebarang keputusan yang telah dibuat.

#### 6. Pengumuman Pemenang

- a) Pemenang akan dimaklumkan melalui "Pengumuman Pemenang" di laman web korporat rasmi PruBSN, laman media sosial Facebook dan Instagram, tiga puluh (30) hari bekerja selepas 30 Jun 2021.
- b) PruBSN berhak untuk memaparkan nama pemenang (dengan 4 digit terakhir no kad pengenalan pemenang) dalam mana-mana laman web, media sosial, akhbar dan/atau bahan-bahan promosi milik PruBSN tanpa sebarang notis.
- c) Pemenang dianggap telah memberi kebenaran dan bersetuju dengan penggunaan nama yang diberikan oleh mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan, perdagangan atau promosi dalam mana-mana media oleh PruBSN tanpa persetujuan atau pampasan terlebih dahulu.

Sekiranya pemenang tidak bersetuju dengan klausula ini, pemenang alternatif akan dipilih. Para pemenang bertanggungjawab untuk memastikan butiran peribadi, nombor telefon dan alamat e-mel mereka telah diberikan dengan tepat.

- d) PruBSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti yang timbul daripada kelewatan, salah alamat, kehilangan atau kegagalan pemakluman kepada pemenang tentang keputusan Kempen ini.

#### 7. Agihan Hadiah

- a) PruBSN akan melakukan pindahan wang hadiah ke dalam akaun bank pemenang dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari bekerja selepas Pengumuman Pemenang.  
*(Para Peserta digalakkan untuk mengemaskini/memberikan nombor akaun bank yang sah kepada PruBSN untuk pindahan wang hadiah).*
- b) PruBSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti yang mungkin timbul sekiranya pindahan wang hadiah tidak berjaya.
- c) Sekiranya seseorang pemenang telah dibatalkan kelayakannya dalam Kempen ini, PruBSN mengikut budi bicara mutlaknya berhak, untuk memberi hadiah kepada peserta lain yang layak. Dalam keadaan ini, peserta ini akan dipilih menggunakan kaedah yang akan ditentukan oleh PruBSN mengikut budi bicara mutlaknya.
- d) PruBSN berhak untuk meminta bukti bertulis kewarganegaraan dan usia pemenang sebelum pindahan wang hadiah dilakukan kepada pemenang.

## **8. Penafian**

- a) Dengan menyertai Kempen ini, setiap Peserta bersetuju bahawa PruBSN, kakitangannya, pegawai, pengarah, ejen, rakan kongsi, rakan niaga, syarikat induk dan anak-anak syarikatnya tidak akan bertanggungjawab untuk ganti rugi, kerugian, kecederaan, hak, tuntutan atau tindakan berbangkit daripada atau berhubung dengan Kempen ini, atau akibat daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan/penalihgunaan hadiah, atau penyertaan kempen ini, termasuk tanpa had, kecederaan diri, kematian, kerosakan harta benda dan tuntutan berdasarkan hak-hak publisiti, fitnah atau pencerobohan privasi.
- b) Setiap Peserta juga bersetuju bahawa PruBSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penyertaan yang lewat (termasuk kelewatan penghantaran maklumat), diubah, diganti, tidak lengkap, penghantaran yang salah, hilang, tertangguh, rosak, disalin atau sebaliknya tidak mematuhi terma dan syarat ini.

## **9. Pembatalan Kelayakan**

- a) PruBSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta daripada kempen ini jika ia didapati mengganggu proses penyertaan atau operasi Kempen ini, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini.
- b) Keputusan PruBSN dalam perkara ini adalah muktamad dan sebarang surat-menjurat tidak akan dilayan.
- c) PruBSN juga mempunyai hak untuk membatalkan, mengubah suai, menggantung atau menangguhkan Kempen ini atas apa-apa sebab sekalipun.

## **10. Undang-undang Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi**

Dalam menjalankan tugasnya di bawah Kempen ini, Peserta harus mematuhi semua undang-undang anti-korupsi dan anti-rasuah yang berlaku (dan peraturan dan panduan berkaitan). Khususnya, Para Peserta dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa:

- a) untuk mematuhi, Undang-Undang Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat dan Akta Rasuah UK, bersama dengan peraturan dan panduan yang berkaitan dan bahawa ia tidak akan bertindak sedemikian rupa atau dapat ditafsirkan sebagai pelanggaran undang-undang dan keperluan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada menawarkan rasuah atau melakukan pembayaran kepada Pegawai Awam atau pihak lain;
- b) bahawa ia akan memastikan bahawa kegiatannya yang berhubung atau yang berkaitan dengan kewajibannya berdasarkan Perjanjian tidak akan menyebabkan PruBSN melanggar undang-undang anti-korupsi dan anti-rasuah (dan peraturan dan panduan yang berkaitan);
- c) bahawa ia akan mempunyai prosedur dalaman yang sesuai dalam organisasinya untuk mencegah rasuah oleh tenaga kerjanya dan orang lain di dalam kawalannya; dan
- d) jika Para Peserta, sehubungan dengan atau berkaitan dengan kewajibannya di bawah Perjanjian, diminta untuk mengambil bahagian di dalam kegiatan apa pun, yang melanggar undang-undang anti-korupsi atau anti-rasuah, atau mengetahui adanya tindakan sedemikian oleh tenaga kerjanya atau dalam kawalannya dan mengenai atau berkaitan dengan Perjanjian, Peserta bersetuju untuk segera melaporkan perkara ini kepada PruBSN.

PruBSN berhak untuk menamatkan Perjanjian ini tanpa pemberitahuan, tanpa liabiliti, untuk sebarang pelanggaran klausa ini.

## **11. Perlindungan Data Peribadi**

Para Peserta dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan atau pendedahan maklumat terkandung di sini dan/atau melalui Kempen ini (yang merangkumi dokumen perjanjian tambahan dan lain-lain dokumen sampingan) adalah tertakluk pada peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). PruBSN dan Para Peserta hendaklah mematuhi semua klausa PDPA. PruBSN dan Para Peserta hendaklah mematuhi peruntukan PDPA. Segala data peribadi, termasuk data peribadi sentitif ("Data Peribadi") yang disediakan harus diproses sesuai dengan Polisi Privasi PruBSN yang dipaparkan di laman web korporat rasmi di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).

## **12. Undang-undang yang Mentadbir**

Kesemua terma dan syarat kempen ini akan ditadbir oleh Undang-undang Malaysia. **PruBSN berhak untuk menukar kriteria kelayakan, pemilihan pemenang dan pengagihan hadiah dari masa ke masa mengikut budi bicara mutlak PruBSN.** PruBSN juga berhak untuk meminda terma dan syarat ini, dan untuk menggantung, membatalkan atau mengubah cara Kempen ini dianjurkan dengan atau tanpa sebarang notis kepada Para Peserta. Kaedah komunikasi (jika ada) mengenai penggantungan, pembatalan atau perubahan Kempen ini akan disampaikan mengikut budi bicara mutlak PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaparkan informasi ini di dalam mana-mana laman web atau laman media sosial PruBSN. Keputusan PruBSN ke atas apa-apa dan/atau semua perkara yang berkaitan dengan kempen ini termasuk pemilihan nama-nama pemenang, semua terma dan syarat di sini atau apa-apa pindaan terhadap Kempen ini adalah muktamad, tertakluk, konklusif dan sebarang surat-menjurat tidak akan dilayan.